



SANDIAH ISMAIL | BERITA HARIAN

KAKITANGAN Philea Resort dan Spa serta murid tadika bergambar kenangan bersama warga emas rumah jagaan Beringin Park, Baru Berendam.

Philea Resort rai 45 warga tua

MELAKA TENGAH: Philea Resort and Spa di Ayer Keroh, di sini, baru-baru ini meraikan 45 individu kurang bernasib baik termasuk warga emas yang menetap di Beringin Park, Batu Berendam, sempena sambutan Tahun Baru Cina.

Pengarah Komunikasi Pemasarannya, Connie Chin, berkata ia adalah kali ketiga pihaknya mengadakan program seperti itu sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat resort berkenaan pada masyarakat kurang bernasib

baik di negeri ini.

Katanya, sebelum ini pihaknya mengagihkan 3,000 bungkus bubur lambuk pada Ramadan lalu, selain majlis berbuka puasa bersama anak yatim dan mereka yang kurang bernasib baik di resort berkenaan.

“Kami akan meneruskan amalan tanggungjawab sosial kepada mereka yang akan menyambut Tahun Baru Cina tidak lama lagi dengan memberikan angpau, limau Mandarin serta beberapa keperluan barang makanan yang lain,”

katanya ketika ditemui pada majlis berkenaan, dekat sini, semalam.

Pada majlis itu, 20 kakitangan Philea Resort dan Spa meraikan warga tua terbahit dengan mengadakan upacara makan Yee Sang beramai-ramai, diikuti nyanyian oleh murid tadika Premier Montessori Melaka.

Sementara itu, seorang penghuni, Cheah Koo Wah, 75, ketika ditemui melahirkan rasa gembira kerana turut sama diraikan oleh pengurusan Philea Resort and Spa sempena sam-

butan Tahun Baru Cina pada kali ini.

Beliau menetap di rumah jagaan ini sejak dua tahun yang lalu selepas isterinya meninggal dunia, manakala empat anaknya menetap dan bekerja di Kuala Lumpur.

“Terima kasih kepada Philea Resort and Spa kerana menjenguk kami di sini,” katanya.

Lai Sow Kuan, 80, turut merakamkan penghargaan kepada Philea Resort and Spa kerana sudi meraikan golongan seperti mereka.